

20/10/2001

## Merangsang ekonomi (HL)

Khaidir Abdul Majid

KUALA LUMPUR, Jumaat - Cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga dua peratus bagi semua kumpulan pendapatan, dengan kadar cukai individu tertinggi menjadi 28 peratus, sebagai galakan untuk rakyat berbelanja.

Pengurangan cukai pendapatan itu, yang menjimatkan pembayar cukai antara RM200 hingga RM3,800, adalah antara rangsangan besar bagi menggerakkan semula pertumbuhan ekonomi negara dalam Belanjawan 2002, dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, petang ini.

Selain itu, kira-kira 850,000 kakitangan awam pula mendapat insentif untuk berbelanja dengan pemberian bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 serta kenaikan gaji 10 peratus bagi tahun depan.

Belanjawan bagi menggalakkan perbelanjaan dan pelaburan domestik, yang dibentangkan dalam suasana ekonomi antarabangsa tidak menentu, menaikkan had pendapatan bercukai daripada melebihi RM150,000 kepada lebih RM250,000.

Walaupun cukai korporat kekal pada paras 28 peratus, Belanjawan 2002 menggembirakan peniaga dengan penawaran insentif cukai bagi mereka melaksanakan perdagangan luar pesisir menerusi laman web.

Dr Mahathir, yang kali kedua membentangkan belanjawan selepas 1998 menjelaskan, langkah pengurangan cukai individu akan menyebabkan kerajaan kehilangan hasil RM873 juta.

Begitupun, katanya, jumlah wang berkenaan akan berada di tangan pengguna untuk dibelanja dan seterusnya melariskan pelbagai jenis kegiatan ekonomi yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Selain insentif untuk berbelanja, Belanjawan 2002 turut mengumumkan beberapa kenaikan harga. Mulai esok, harga runcit petrol dan diesel akan dinaikkan 10 sen seliter.

Perdana Menteri berkata, kenaikan harga itu perlu untuk mengurangkan jumlah subsidi besar ditanggung kerajaan, iaitu sebanyak RM4.4 bilion, lebih separuh daripadanya adalah subsidi petroleum.

Perokok juga menghadapi beban lebih besar jika ingin meneruskan tabiat buruk itu apabila Belanjawan 2002 mengumumkan kenaikan duti import rokok daripada RM180 kepada RM216 sekilogram, manakala duti eksais dinaikkan daripada RM40 kepada RM48 sekilogram.

"Kesedaran mengenai bahaya merokok kepada kesihatan masih lagi rendah di kalangan rakyat dan kini tabiat merokok, yang telah menular ke peringkat pelajar sekolah, amat membimbangkan," kata Dr Mahathir menjelaskan kewajaran langkah menaikkan harga rokok.

Bagaimanapun, kenaikan lain yang diumumkan banyak membawa berita baik kepada rakyat. Antaranya ialah elaun kerja lebih masa pegawai perubatan naik kepada 50 peratus daripada 25 peratus, sagu hati tahunan anggota sukarela keselamatan naik daripada RM400 kepada RM520, specialist grant sukarelawan tentera naik daripada RM150 setahun kepada RM300 dan daripada RM100 serta RM75 kepada RM200 bagi pangkat lain.

Peneroka kelapa sawit dan getah turut mendapat manfaat daripada Belanjawan 2002 kerana mereka akan mendapat bantuan dalam bentuk sokongan harga jika harga komoditi itu jatuh.

Pada masa sama, RM204.5 juta diperuntukkan bagi program kesejahteraan rakyat dengan keutamaan bagi negeri ramai rakyat termiskin, termasuk Kelantan dan Terengganu.

Belanjawan kali ini juga prihatin terhadap golongan wanita. Balu akan terus menerima bayaran pencen walaupun berkahwin semula.

Duti import ke atas 55 jenis barang yang sudah lama dilindungi turut dikurangkan daripada 20 peratus hingga 105 peratus, kepada 10 peratus hingga 50 peratus.

Duti import ke atas motosikal mewah dikurangkan daripada 120 peratus kepada 60 peratus. Duti import bagi motosikal lain turut dikurangkan daripada 80 peratus dan 100 peratus kepada 60 peratus.

Peruntukan untuk belanjawan tahun depan berjumlah RM100.52 bilion, meningkat 10.4 peratus daripada jumlah tahun ini. Daripada jumlah itu, RM66.98 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus, manakala RM33.54 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Dengan anggaran hasil RM73.4 bilion, akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit lima peratus daripada KDNK yang berjumlah RM18.6 bilion. Ini lebih rendah daripada defisit RM22.4 bilion atau 6.5 peratus daripada KDNK pada 2001.

Berikutan pelbagai langkah yang dicadangkan itu, Belanjawan 2002 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negara lebih besar tahun depan iaitu empat hingga lima peratus.

Menghuraikan strategi memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan perbelanjaan dalam negara, Dr Mahathir menegaskan, wang tidak akan menjana kekayaan jika ia tidak bergerak atau bertukar tangan.

"Tiap kali wang bertukar tangan, pihak yang membekal barang atau perkhidmatan akan mendapat keuntungan, manakala pihak menerima pembekalan akan mendapat nilai sebenar daripada wangnya.

"Lebih kerap wang bertukar tangan, lebih besarlah sumbangan wang itu kepada ekonomi negara dan kekayaannya," katanya.

Sambil menjelaskan kemalapan ekonomi dunia berikutan serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat, beliau berkata pertumbuhan KDNK negara tahun ini, yang sudah diturunkan daripada tujuh peratus kepada lima hingga enam peratus Mac lalu, kini diturunkan lagi kepada satu hingga dua peratus.

"Langkah proaktif, bijak dan pantas perlu diambil bagi membendung kejatuhan ini daripada berterusan. Kini kita tidak boleh bergantung terlalu sangat kepada perdagangan luar, sebaliknya pertumbuhan ekonomi mesti didorong kegiatan perdagangan dan aktiviti ekonomi dalam negara serta penumpuan kepada pasaran baru yang boleh kita bangunkan," katanya.

(END)